

# Hamidah tidak yakin Tun M beri laluan Anwar jadi PM

UM-19/2/2019 m/s: 4

**BATU GAJAH 18 Feb.** - Bekas Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Hamidah Osman tidak yakin Tun Dr. Mahathir Mohamad akan memberi laluan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjadi Perdana Menteri.

Menurutnya, ini berdasarkan perkembangan politik semasa yang secara jelas menunjukkan Dr. Mahathir kini membuat gerakan untuk menafikan Presiden PKR itu menduduki kerusi Perdana Menteri.

“Jika ditanya pendapat saya, saya antara orang yang tidak yakin Dr. Mahathir akan memberikan kerusi itu (Perdana Menteri) kepada Anwar.

“Saya tak nampak caranya (Anwar menjadi Perdana Men-

Saya tak nampak caranya (Anwar menjadi Perdana Menteri). Apa yang berlaku hari ini terang-terang, gerakan yang dibuat oleh Dr. Mahathir untuk menafikan Anwar menjadi Perdana Menteri, itu yang terjadi hari ini.”

**HAMIDAH OSMAN**

teri). Apa yang berlaku hari ini terang-terang, gerakan yang dibuat oleh Dr. Mahathir untuk menafikan Anwar menjadi Perdana Menteri, itu yang terjadi hari ini,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



Ditanya siapa pilihan Dr. Mahathir, Hamidah berkata, apa yang didengar desas-desus Dr. Mahathir mahu menyerahkan kerusi Perdana Menteri kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

“Tapi kita tak tahu Dr. Mahathir nak bagi siapa. Kalau tanya saya, sudah tentu Tun tak akan serahkan jawatan PM kepada Anwar seperti yang diuar-uar, ini pandangan peribadi saya.

“Apa yang terjadi hari ini Dr. Mahathir mahu menguatkan kedudukan sebagai PM untuk menafikan Anwar jadi PM,” katanya.

Antara tindakan Mahathir yang dilihat untuk menguatkan kedudukan ialah menerima kemasukan enam bekas Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) ke dalam Bersatu baru-baru ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Bersatu mengumumkan parti itu akan melebarkan sayap parti di Sabah.